

Peperiksaan JB
- DAD -
8/3/06

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
SEMINAR PENGURUSAN BUANGAN INDUSTRI**

Oleh

**YB DATO' SERI LAW HIENG DING
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR MALAYSIA**

**SEMPENA PELANCARAN SAMBUTAN MINGGU ALAM SEKITAR
MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2003**

**Hotel Prime City,
Kluang, Johor**

21 Oktober 2003

Yang Dihormati Saudara/i Pengacara Majlis

YB Dato' Dr. Chua Soi Lek

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar
Negeri Johor

Yang Berbahagia Puan Hajah Rosnani bte Ibarahim
Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia

Yang Berbahagia Tuan Hj. Mohd. Zaini bin Osman
Pegawai Daerah Kluang

Yang Berbahagia Datuk Syed Azmi b. Syed Othman
Pengarah Urusan
Kualiti Alam Sdn Bhd.

Yang Berusaha Encik Aldillan b. Anuar
Pengarah Urusan
Toxicol Sdn. BHD.

Yang Berusaha Encik Steven Chong
Pengarah Urusan,
Asiagreen Sdn bhd

Datuk/Dato'/Tuan-tuan dan puan-puan serta para hadirin yang dihormati
sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran seminar ini, terutamanya Kerajaan Negeri Johor, Jawatankuasa Penganjur, pihak swasta Kualiti Alam Sdn Bhd., Kulim (M) Bhd., Revertex Sdn Bhd dan badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Federation of Malaysian Manufacturers (FMM). Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur kerana sudi menjemput saya memberi sepatah dua kata dan seterusnya merasmikan seminar ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Dasar Alam Sekitar Negara bertujuan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari.

Dasar ini memberi panduan kepada agensi kerajaan persekutuan dan negeri, sektor industri, masyarakat tempatan dan lain-lain *stakeholder* dalam memastikan alam sekitar negara bersih, selamat, sihat dan produktif.

Salah satu cara untuk mencapai matlamat Dasar ini adalah memastikan sesuatu industri itu mengurus sisa buangan kilangnya dengan cara sebaik-baiknya. Tema seminar pada hari ini iaitu '**Pengurusan Buangan Industri**' adalah selaras sekali dengan kenyataan Dasar Alam Sekitar di atas dan sesuai juga dengan tema

sambutan Minggu Alam Sekitar pada tahun ini iaitu '***Alam Sekitar Bersih Untuk Kehidupan Sejahtera***'.

Pada ketika dahulu industri kelapa sawit adalah merupakan penyumbang utama kepada pencemaran air sungai di Malaysia. Sisa buangan dan air buangan kilang yang tidak terurus yang memasuki sungai telah menyebabkan air sungai berubah warna dan sering berbau busuk. Keadaan ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati penduduk yang berhampiran dan di sesetengah kawasan kerana ianya menjejaskan bekalan air minuman awam dan aktiviti perikanan.

Bagaimanapun, keadaan masakini telah banyak berubah. Dengan adanya peraturan-peraturan dan komitmen yang ditunjukkan oleh pihak pekilang-pekilang, industri kelapa sawit tidak lagi dianggap punca pencemaran air yang utama. Malah kebanyakan kilang ini telah berjaya mematuhi standard dan peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Terdapat kilang-kilang kelapa sawit kini mampu beroperasi tanpa membuang langsung sisa buangan mereka atau dengan perkataan lain mereka mampu melaksanakan pelepasan sifar atau 'zero discharge'. Ini adalah kerana bahan buangan yang terhasil dari kilang-kilang kelapa sawit ini boleh dijadikan produk seperti baja dan lain-lain lagi. Sebagai contoh, Jabatan Alam Sekitar baru-baru ini telah meluluskan pembinaan dua buah kilang kelapa sawit di Sarawak yang mengamalkan konsep 'composting' di mana kedua-

dua effluen dan tandan kelapa sawit akan dikompos untuk menghasilkan baja. Ini merupakan satu pencapaian dan sumbangan kepada penjagaan alam sekitar yang amat menggalakkan dari sektor ini.

Dalam satu aspek yang lain pula, seminar ini akan membincangkan isu pengurusan buangan terjadual terutamanya dari kilang-kilang pembuatan yang bersaiz kecil dan sederhana (IKS). Prestasi pengurusan buangan terjadual dari IKS didapati masih pada tahap kurang memuaskan berpunca mungkin oleh kurang pengetahuan dari segi teknikal maupun perundangan. Oleh itu seminar pada hari ini adalah juga bertujuan untuk mengumpul pekilang-pekilang IKS seramai yang mungkin untuk menyibar maklumat berhubung dengan pengurusan buangan terjadual. Dari seminar ini pihak IKS berpeluang mendengar tentang kaedah-kaedah dan insentif-insentif yang telah disediakan oleh syarikat seperti Kualiti Alam Sdn. Bhd. iaitu salah satu syarikat yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi mengangkut, mengolah dan melupus buangan berbahaya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Kepada peserta-peserta seminar, saya menyeru agar peluang keemasan ini digunakan sepenuhnya untuk menimba ilmu dan pengalaman di antara satu sama lain untuk memperbaiki lagi pencapaian kilang masing-masing dari segi pengendalian buangan menggunakan pendekatan paling terkini dan mesra alam.

Amalan baik pengurusan buangan boleh menguntungkan semua pihak, lebih-lebih lagi di pihak pekilang kerana ianya boleh menjimat tenaga dan sumber bahan yang digunapakai. Kajian-kajian atau penyelidikan telah membuktikan bahawa penjimatan bahan mentah seperti air, tenaga, bahan kimia dan lain-lain boleh mencapai sehingga 80 peratus apabila sebuah kilang itu berpindah kepada penggunaan teknologi serta proses pengeluaran yang lebih bersih. Bahan buangan bagi sesuatu kilang atau industri boleh dijadikan bahan mentah bagi kilang yang lain. Saya pasti ramai yang telah pernah mendengar tentang sebuah kawasan perindustrian yang mengamalkan konsep 'industrial symbiosis' ini di Kalundborg, Denmark.

Di samping itu, bahan buangan juga mengandungi bahan-bahan yang boleh digunasemula setelah ianya melalui proses-proses tertentu. Kini terdapat pelbagai usaha dibuat oleh pihak-pihak tertentu untuk menjadikan bahan buangan sebagai sumber tenaga, produk yang boleh dikomersialkan dan lain-lain. Saya berharap tuan-tuan semua supaya janganlah ketinggalan supaya aktiviti pekilangan negara kini akan lebih berdaya maju atau kompetitif lagi di masa-masa akan datang.

Akhir kata, Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli jawatankuasa penganjur dan penaja seminar ini iaitu Kualiti Alam Sdn. Bhd., Asia Green Environmental Sdn. Bhd. dan Kumpulan FELDA yang telah berjaya menganjurkan Seminar ini.

Saya berharap seminar ini akan berjaya mencapai objektif-objektifnya dan para peserta mendapat banyak manfaat daripadanya. Dengan itu sukacitanya saya merasmikan 'Seminar Pengurusan Buangan Industri 2003'.

Sekian, terima kasih.